

# Karnival Kerjaya dan Keusahawanan tawar 300 peluang pekerjaan



Karnival Kerjaya dan Keusahawanan (kakkUMP) anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (Saffad) Universiti Malaysia Pahang (UMP) mendapat sambutan yang menggalakkan apabila hampir 1000 pengunjung di kalangan penuntut pengajian tinggi mahupun bergelar graduan dari sekitar Kuantan memenuhi Dewan Astaka pada 11 Mei 2012 yang lalu.

Majlis dirasmikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Dato' Mohd Hilmei Bin Mohd Taib. Hadir sama Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainudin Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus dan Penolong Naib Canselor (Pembangunan Korporat dan Pengurusan Kualiti), Profesor Madya Zulkafli Hasan.

Dalam ucapannya, Dato' Helmi berkata, penglibatan pelajar dalam program seumpama ini dapat menerapkan beberapa elemen positif yang secara tidak langsung dapat membentuk graduan memenuhi tuntutan pasaran kerja pada masa kini.

"Dengan program ini, graduan akan mendapat pengalaman dan mendapatkan perkerjaan, manakala bakal majikan juga boleh membuat pilihan calon secara terus menerusi bidang-bidang kepakaran yang diperlukan.

"Selain itu juga, pelajar perlu melengkapkan diri dan bersedia menghadapi temu duga terutama dari segi imej dan kebolehan berkomunikasi," katanya.

Beliau menasihatkan pelajar agar berani menyahut cabaran untuk mendapatkan skop kerjaya yang lebih meluas dan yang lebih penting katanya, pelajar perlu sentiasa produktif dan kreatif untuk berada dalam alam pekerjaan.

Menurut Profesor Dr. Yuserrie, program ini diadakan setiap tahun bagi memberi pendedahan kepada pelajar tentang pengalaman semasa menghadapi temu duga dan peluang memohon pekerjaan dengan pihak industri.

"Ianya juga dapat memberi input baru berkaitan maklumat industri kepada para peserta yang terlibat dalam membantu

mereka menyediakan persiapan memenuhi kehendak industri," katanya.

Tambahnya lagi, karnival ini disifatkan sebagai medan terbaik bagi pelajar membuktikan mereka bersedia untuk menghadapi arus pekerjaan global dengan menawarkan pekerjaan yang ditawarkan.

Katanya, kecemerlangan sesebuah IPT diukur dari kualiti graduan yang dilahirkan, persaingan untuk mendapatkan tempat pekerjaan pada masa ini amatlah sengit.

Karnival yang berlangsung selama tiga hari ini menawarkan 300 peluang pekerjaan yang disertai lebih 40 syarikat

yang antaranya ialah The Zenith Hotel, Purnama Bersatu, Malaysian Automotive Institute (MAI), Sony EMCS dan Might Meteor Advanced Manufacturing yang masing-masing tampil dengan maklumat peluang kerjaya yang menanti pelajar yang bakal bergraduat.

Sementara itu, pelajar tahun dua dari Fakulti Sains dan Teknologi Industri (FSTI), Nurul Ashikin Ahmad, 21, berkata program ini wajar diadakan setiap tahun agar pelajar dapat membuat persiapan secukupnya sebelum memulakan langkah di pasaran kerja.

